

Negara mampu anjur Sukan Olimpik: PM

Oleh Zulkofli Jamaludin

BH 25 MAR 2000

PUTRAJAYA, Jumaat — Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mahu Majlis Olimpik Antarabangsa (IOC) mengambil kira kemudahan sukan di Malaysia dan keupayaan negara menganjurkan sukan bertaraf antarabangsa dalam memutuskan tuan rumah Sukan Olimpik 2008.

Perdana Menteri menaruh harapan besar bahawa Malaysia akan berjaya walaupun kali pertama menawarkan diri untuk menjadi tuan rumah temasya sukan terbesar di dunia itu.

“Kita harap kita berjaya menjadi tuan rumah walaupun ini cubaan kita yang pertama. Tetapi jika kita gagal, kita pasti akan terus

membuat penawaran setiap empat tahun,” katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Perdana Menteri mengulas usaha Malaysia menjadi tuan rumah Sukan Olimpik dan bersaing sengit dengan China (Beijing) dan Jepun (Osaka).

Selain itu, tujuh lagi bandar raya memohon menjadi tuan rumah iaitu Bangkok (Thailand), Kaheerah (Mesir), Havana (Cuba), Istanbul (Turki), Paris (Perancis), Seville (Sepanyol) dan Toronto (Kanada).

Dr Mahathir berkata, walaupun Malaysia tidak mampu membelanjakan jumlah wang yang besar untuk tujan itu, tetapi kerajaan benar-benar berharap mereka

melihat keupayaan dan kemudahan di negeri ini serta memberi pertimbangan sewajarnya.

Mengikut peraturan baru IOC, negara-negara yang membuat tawaran tidak perlu terlahubanyak berkempen bagi mempengaruhi anggota majlis itu.

“Negara-negara itu tidak boleh menjemput mereka dan melayani mereka seperti sebelum ini. Ini adalah kempen yang jauh lebih telus dan bersih,” kata Perdana Menteri.

Peraturan baru IOC diperkenalkan berikutan skandal rasuah yang timbul daripada tawaran Bandar Raya Salt Lake untuk menjadi tuan rumah Olimpik Musim Se-

juk 2002.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyerahkan Jalur Gemilang kepada Pasukan Rali Proton-PERT yang akan mewakili Malaysia pada kejohanan Rali Gudang Garam Indonesia dari 31 Mac hingga 3 April ini.

Dalam ucapan ringkasnya pada majlis penyerahan bendera itu, Dr Mahathir berharap agar pasukan negara mencapai kemenangan dalam acara rali berkenaan.

Beliau juga meminta semua yang terbabit menjaga nama baik Malaysia ketika berada di luar negara.

Rali di Indonesia itu ialah pusingan pertama Kejohanan Rali Asia Pasifik yang akan turut diadakan di Australia,

New Zealand, China, Malaysia dan Thailand.

Dr Mahathir, yang memakai baju Melayu, menunjukkan kebolehan beliau memandu kereta Proton pacuan empat roda berluasa turbo di kawasan tetakkerta bangunan Jabatan Perdana Menteri.

Beliau ditemani pemandu rali negara Karamjit Singh yang akan menggunakan kenderaan berkenaan di Indonesia.

Mengenai kegagalan Terjunan Alafdi Kutub Selatan, Dr Mahathir berkata, beliau kecewa kerana misi itu tidak dianjurkan dengan baik.

“Meskipun saya kecewa mengenainya, saya harap orang lain tidak tawar hati

daripada melakukan usaha bagi membuktikan semangat Malaysia Boleh,” katanya.

Mengenai dakwaan bahawa ada orang yang dikatakan menipu mengenai penerjunan itu, Dr Mahathir berkata:

“Saya tahu. Ia amat buruk sekali. Saya tidak dapat menerimanya. Jika kita gagal, okey kita gagal. Lebih baik kalah secara sukan daripada cuba mengatakan kita menang sedangkan kita sebenarnya tewas.”

Pasukan Malaysia itu gagal membuat terjunan di garisan Kutub Selatan (GSP) seperti yang dirancang tetapi berjaya melakukannya di Patriot Hill, terletak lebih 1,000 kilometer dari GSP.